



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 2/2019

**PENETAPAN DASAR CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN YANG
DIIMPORT KE KAWASAN DITETAPKAN (KD) PULAU LABUAN**

1. Berkuatkuasa mulai 1 September 2019 sehingga 31 Ogos 2020, syarikat di Labuan diberi pengecualian dari mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diimport.
2. Pengecualian tersebut adalah tertakluk kepada perkara berikut:
 - (a) Pengecualian dari mengakaun dan membayar cukai adalah ke atas perkhidmatan diimport yang diperolehi dari 1 September 2019 sehingga 31 Ogos 2020 sahaja;
 - (b) Syarikat yang layak adalah suatu entiti Labuan yang menjalankan aktiviti disenaraikan dalam Jadual, Peraturan-peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak Bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) 2018 samada syarikat berkenaan berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 ataupun tidak;
 - (c) Pengecualian yang diberi dihadkan ke atas perkhidmatan bercukai yang disenaraikan di bawah Kumpulan G, Jadual pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018;
3. Mana-mana syarikat di perenggan 2(b) yang telah mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dikecualikan, boleh memohon pembayaran balik cukai perkhidmatan yang telah dibayar mengikut cara yang ditetapkan di bawah Peraturan 18, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA